



**PERBEZAAN JANTINA DALAM PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN
KEMAHIRAN BERBAHASA ARAB**

**[GENDER DIFFERENCES IN THE USE OF STRATEGIES FOR ARABIC
LANGUAGE LEARNING]**

*¹Nadhilah Abdul Pisal & ²Kamarul Shukri Mat Teh

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (Perlis), Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author: ananadhilah@yahoo.com

Received: 14 February 2018

Accepted: 28 May 2018

ABSTRAK

Perbezaan jantina merupakan salah satu faktor yang didapati turut membezakan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap dan jenis penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa (SPKB) oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Data kajian diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada 350 orang pelajar tingkatan empat dari 12 buah sekolah menengah agama sekitar Kedah, Malaysia. Dapatan kajian deskriptif menunjukkan kedua-dua kumpulan pelajar menggunakan strategi pada tahap sederhana sama ada secara keseluruhan mahupun berdasarkan konstruk, kecuali pada konstruk strategi membaca, pelajar perempuan menggunakannya pada tahap tinggi. Hasil analisis ujian-t pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan penggunaan SPKB secara keseluruhan dan mengikut lima konstruk strategi utama berdasarkan jantina. Pelajar perempuan didapati mendahului pelajar lelaki dalam penggunaan strategi secara keseluruhan dan berdasarkan lima konstruk strategi utama tersebut. Sementara itu, baki satu konstruk strategi utama iaitu strategi mendengar tidak menunjukkan perbezaan signifikan. Kesimpulannya, pelajar perempuan didapati lebih banyak dan kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lelaki. Implikasi kajian ini, guru boleh merancang pelbagai aktiviti bahasa yang dapat menggalakkan penggunaan sesuatu strategi dengan lebih kerap kepada kumpulan pelajar yang berlainan jantina.

Kata kunci: Strategi pembelajaran bahasa, kemahiran berbahasa, strategi pembelajaran kemahiran berbahasa, bahasa Arab, jantina.

ABSTRACT

Gender is one of the factors that distinguish the use of language learning strategies among students. Therefore, this study was carried out to determine the level and types of language learning strategies used by male and female students. Data were collected through questionnaires distributed to 350 form four students from 12 religious secondary schools in Kedah, Malaysia. Descriptive findings showed that both groups of students used the strategies at a moderate level except for the reading strategies which were highly employed by female students. The results of t-test analysis show that there is a significant difference on the overall use of the strategies and in the five main constructs of strategies based on gender. Overall, the female students were found to surpass the male students in the use of language learning strategies. However, the construct of listening strategies did not show significant difference result. In conclusion, the female students used language learning strategies more frequently than the male students. The implication of this study is that teachers can plan a variety of language activities to encourage the use of certain strategies by different genders.

Keywords: Language learning strategies, language skills, strategies for language learning skills, Arabic language, gender.

Cite as: Abdul Pisal, N. & Mat Teh, K.S. (2018). Perbezaan jantina dalam penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab [Gender differences in the use of strategies for Arabic language learning]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 143-153. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp143-153>

1.0 PENGENALAN

Penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) tertentu dapat memudahkan proses pemahaman, penyimpanan, penyusunan dan penggunaan maklumat bahasa. Definisi SPB yang dikemukakan oleh Oxford (1990, hlm. 8) ialah “tindakan-tindakan tertentu yang diambil oleh pelajar untuk menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyenangkan, lebih bersifat sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan kepada situasi baharu”. Kepentingan penggunaan SPB berdasarkan definisi ini menunjukkan bahawa penggunaan SPB secara umumnya dapat memudahkan proses pembelajaran dan mementingkan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Kebanyakan pengkaji dalam bidang ini menggunakan klasifikasi strategi sebagaimana yang diutarakan oleh Oxford (1990). Klasifikasi SPB oleh Oxford (1990) dapat dikelaskan kepada enam jenis strategi iaitu strategi memori, strategi kognitif, strategi tampungan, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial. Pembahagian jenis strategi yang dikemukakan oleh Oxford (1990) ini boleh dikategorikan sebagai strategi berdasarkan fungsi atau tujuan tertentu penggunaannya. Pada awal tahun 2000 pula, terdapat klasifikasi strategi lain yang diketengahkan oleh Cohen dan Oxford (2002) dengan merujuk kepada kemahiran berbahasa yang pelbagai iaitu strategi mendengar (SD), strategi kosa kata (SKK), strategi bertutur (STut), strategi membaca (SB), strategi menulis (STul) dan strategi terjemahan (STer).

Pelajar yang menggunakan lebih banyak SPB pada kebiasaannya dikatakan lebih cemerlang dalam pembelajaran bahasa (Mahamod & Embi, 2005a; 2005b; Mat Teh, 2009; Park, 2010; Kuen, 2010; Che Haron et al., 2012; Kayaoglu, 2013). Namun demikian, tidak semua pelajar cenderung menggunakan sesuatu strategi dengan cara dan kekerapan yang sama. Faktor jantina turut memainkan peranan dalam pemilihan sesuatu strategi. Perbezaan jantina

antara lelaki dan perempuan dapat mempengaruhi minat, kecenderungan dan tingkah laku seseorang individu dalam proses pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, kajian penggunaan SPB berdasarkan jantina untuk pembelajaran bahasa Arab masih belum meluas dijalankan. Pelbagai kajian susulan perlu dilakukan untuk meninjau kepentingan memahami perbezaan jantina antara pelajar yang menyebabkan berlakunya perbezaan penggunaan strategi bagi sesetengah pelajar.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Hasil kajian kuantitatif beberapa sarjana melaporkan terdapat hubungan signifikan yang wujud antara jantina dengan penggunaan SPB (Mohd Shamsuddin, 2003; Mahamod & Embi, 2006; Izawati, 2008; Mat Teh, 2009; Mat Teh et al., 2009; Kaur & Embi, 2011; Abbasian, Khajavi, & Mardani, 2012; Mat Nafi, 2014). Penjelasan lanjut berhubung perbezaan penggunaan strategi berdasarkan jantina yang signifikan daripada dapatan kajian-kajian lepas ini boleh dikelaskan kepada dua kumpulan, iaitu pelajar lelaki didapati menggunakan lebih banyak strategi (Abbasian et al., 2012) dan pelajar perempuan didapati menggunakan lebih banyak strategi (Mohd Shamsuddin, 2003; Mahamod & Embi, 2006; Izawati, 2008; Mat Teh, 2009; Mat Teh et al., 2009; Kaur & Embi, 2011; Mat Nafi, 2014).

Kajian kuantitatif Abbasian et al. (2012) terhadap 376 pelajar universiti di Iran mendapati pelajar lelaki menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar perempuan dalam keenam-enam kategori strategi utama mengikut klasifikasi SPB Oxford (1990). Namun demikian, perbezaan signifikan pada penggunaan strategi berdasarkan jantina ini hanya merujuk kepada lima kategori strategi utama iaitu strategi tampungan, afektif, sosial, kognitif dan metakognitif. Penggunaan strategi yang lebih banyak dalam kalangan pelajar lelaki dalam kajian tersebut turut dikaitkan dengan faktor budaya masyarakat yang menuntut individu lelaki lebih aktif mengambil bahagian dalam komunikasi. Rentetan itu, pelajar lelaki secara tidak langsung akan terdedah kepada penggunaan pelbagai penggunaan SPB berbanding pelajar perempuan.

Dalam dua kajian kualitatif yang lain oleh Mahamod dan Embi (2005b) serta Nor Hussin (2011), pelajar lelaki turut didapati menggunakan lebih banyak strategi daripada pelajar perempuan. Hasil kajian kes Mahamod dan Embi (2005b) mendapati pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB dalam pembelajaran bahasa Melayu di luar kelas. Responden yang terlibat dalam kajian tersebut terdiri daripada lapan pelajar tingkatan empat (empat orang pelajar cemerlang bahasa dan empat orang pelajar lemah bahasa yang berbeza jantina). Hasil analisis temu bual mendapati pelajar lelaki menggunakan SPB di luar kelas lebih banyak daripada pelajar perempuan dengan penggunaan 74 SPB berbanding 64 SPB. Selain itu, pelajar lelaki juga turut dilaporkan menggunakan lebih banyak SPB dalam tiga kemahiran berbahasa (mendengar, bertutur dan menulis), sedangkan pelajar perempuan pula didapati lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran membaca.

Kajian lain yang membuktikan bahawa pelajar perempuan pula menggunakan lebih banyak SPB jika dibandingkan dengan pelajar lelaki adalah seperti kajian Mahamod dan Embi (2006) dalam pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar perempuan bukan Melayu didapati lebih banyak menggunakan SPB di luar kelas dalam semua kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) berbanding pelajar lelaki. Dapatan yang sama turut dikongsi dalam kajian kuantitatif yang lain bagi pembelajaran bahasa Inggeris (seperti Mohd Shamsuddin, 2003; Izawati, 2008; Kaur & Embi, 2011) serta pembelajaran bahasa Arab (seperti Mat Teh,

2009; Mat Nafi, 2014). Keempat-empat kajian tersebut membuktikan bahawa pelajar perempuan cenderung untuk menggunakan keseluruhan SPB lebih banyak berbanding pelajar lelaki.

Mohd Shamsuddin (2003) mengkaji penggunaan SPB berdasarkan jantina dalam kalangan 156 pelajar kejuruteraan tahun pertama yang mempelajari bahasa Inggeris di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menggunakan soal selidik SILL oleh Oxford (1990). Hasil kajian beliau mendapati terdapat perbezaan signifikan antara penggunaan strategi dan jantina dalam kalangan pelajar. Pelajar perempuan secara keseluruhannya didapati menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar lelaki dalam pembelajaran BI. Pelajar yang berbeza jantina ini juga menunjukkan perbezaan strategi pada dua kategori utama iaitu penggunaan strategi kognitif dan metakognitif. Kecenderungan pelajar perempuan menggunakan kedua-dua strategi utama ini dengan lebih banyak mungkin boleh dikaitkan dengan kepentingan penggunaan strategi kognitif yang digunakan untuk memproses dan berlatih menggunakan bahasa, manakala strategi metakognitif pula boleh digunakan untuk merancang proses pembelajaran dan menilai hasil pembelajaran bahasa pelajar. Lantaran itu, kedua-dua strategi tersebut kelihatan saling berhubungan antara satu sama lain sehinggakan digunakan dengan lebih kerap oleh pelajar.

Dalam kajian Izawati (2008) berhubung penggunaan strategi bagi pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia juga mendapati pelajar perempuan ($M=3.33$) menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar lelaki ($M=3.16$) secara keseluruhan dan berdasarkan enam kategori strategi utama. Perbezaan signifikan penggunaan SPB berdasarkan jantina ini merujuk kepada keseluruhan penggunaan strategi dan berdasarkan lima kategori utama kecuali pada strategi tampungan. Walau bagaimanapun nilai min yang ditunjukkan masih menunjukkan pelajar perempuan mendahului pelajar lelaki dengan penggunaan lebih banyak strategi tampungan daripada pelajar lelaki. Dapatan ini mungkin disebabkan oleh ciri-ciri jantina perempuan yang lebih suka bersosial atau berkomunikasi untuk menyampaikan atau berkongsi idea dan perasaan. Oleh itu, pelbagai strategi yang melibatkan strategi tampungan dapat dipelbagaikan kerana keinginan yang tinggi untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada pihak lain.

Perbezaan penggunaan strategi berdasarkan kategori strategi utama dalam kajian Mat Teh (2009) turut menyatakan bahawa pelajar perempuan menggunakan tiga kategori SPB iaitu memori, afektif dan metafizik dengan lebih kerap berbanding pelajar lelaki. Dalam perbincangan dapatan kajian tersebut, pelajar perempuan dikatakan peka terhadap persekitarannya dan mempunyai ingatan yang kuat sehingga dapat mengingat sesuatu maklumat dalam tempoh masa yang lama berbanding pelajar lelaki. Justeru, penggunaan strategi memori dan afektif dapat dipelbagai dan diadaptasi oleh pelajar perempuan dalam pembelajaran bahasanya (Mat Teh, 2009). Selain itu, dapatan ini juga mungkin boleh dikaitkan dengan faktor kematangan pelajar perempuan yang mungkin lebih rajin untuk mengulang kaji pelajaran berbanding pelajar lelaki. Lantaran itu, pelajar perempuan di peringkat sekolah menengah ini mendahului pelajar lelaki dalam penggunaan strategi pembelajaran yang tersendiri.

Secara keseluruhannya, pelajar perempuan dalam kajian Kaur dan Embi (2011) dilaporkan menggunakan strategi lebih banyak daripada pelajar lelaki. Namun demikian, apabila ditinjau perbezaan signifikan empat kategori strategi utama (SD, Stut, SB dan Stul) berdasarkan jantina, satu kategori dilaporkan tidak signifikan iaitu STul. Perbezaan yang tidak signifikan ini dikaitkan dengan penekanan guru sekolah rendah lebih kerap tertumpu pada kemahiran

menulis para pelajar. Kesannya, pelajar lelaki mahupun perempuan dilaporkan menggunakan tiga strategi yang sama dalam kategori ini untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka.

Selain itu, terdapat kemungkinan lain yang mungkin dapat diperhatikan pada penggunaan strategi berdasarkan jantina ini. Beberapa kajian yang lain mendapati tiada perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan jantina secara keseluruhan seperti mana yang dinyatakan dalam kajian pembelajaran bahasa Arab oleh Mohamad Rouyan (2004) dan kajian pembelajaran bahasa Inggeris oleh Afrizal (2005) dan Kuen (2010). Tiada perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan jantina diperolehi apabila perbezaan nilai min penggunaan strategi bagi kumpulan pelajar lelaki dan perempuan yang diperolehi adalah hampir sama atau pun perbezaan yang diperolehi tidak begitu ketara. Sebagaimana nilai min penggunaan strategi berdasarkan jantina pelajar yang ditunjukkan dalam kajian Mohamad Rouyan (2004) (lelaki= 2.53, perempuan= 2.57), dalam kajian Afrizal (2005) (lelaki= 3.48, perempuan= 3.39) serta dalam kajian Kuen (2010) (lelaki= 3.38, perempuan= 3.45).

Berdasarkan kajian Mohamad Rouyan (2004), faktor jantina dinyatakan tidak memberi kesan terhadap penggunaan SPB dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Melalui perbincangan dapatan kajian tersebut, jurang perbezaan yang besar antara bilangan responden lelaki yang agak kecil iaitu seramai 46 orang pelajar jika dibandingkan dengan bilangan responden perempuan yang tiga kali ganda lebih besar iaitu seramai 140 orang pelajar dianggarkan mungkin mempengaruhi dapatan analisis yang dijalankan. Oleh itu, kajian ini turut mengambil kira pemilihan bilangan sampel kajian yang seimbang berdasarkan perbezaan jantina dengan merujuk kepada teknik pensampelan rawak berstrata tidak berkadar (tidak mengikut nisbah) supaya bilangan sampel yang seimbang atau hampir seimbang dapat ditentukan.

Hasil ujian-t dalam kajian Kuen (2010) turut mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan strategi berdasarkan jantina secara keseluruhan, begitu juga berdasarkan kategori strategi utama kecuali pada penggunaan STul. Pelajar perempuan dilaporkan menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar lelaki berdasarkan nilai min penggunaan strategi secara keseluruhan dan berdasarkan keempat-empat kategori strategi utama (SD, STut, SB dan STul). Tahap keseluruhan penggunaan strategi berdasarkan jantina ini adalah sederhana. Berdasarkan susunan strategi utama tertinggi yang digunakan berdasarkan jantina pelajar, pelajar lelaki dan perempuan didapati berkongsi persamaan pada penggunaan SD dan SB dengan lebih kerap daripada STut dan STul. Selain itu, pelajar lelaki didapati paling kurang menggunakan STul, manakala pelajar perempuan pula didapati paling kurang menggunakan STut.

Dalam kajian Alhaysony (2017) pula, tiada perbezaan signifikan dilaporkan pada penggunaan setiap kategori strategi utama berdasarkan jantina. Walaupun perbezaan pada setiap kategori strategi utama tersebut tidak signifikan antara jantina, pelajar perempuan didapati menggunakan strategi lebih kerap daripada pelajar lelaki. Perbezaan yang tidak signifikan antara jantina bagi pelajar universiti di Arab Saudi yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing ini menunjukkan strategi yang cenderung digunakan oleh pelajar perempuan hampir sama dengan pelajar lelaki (Alhaysony, 2017). Persamaan pada penggunaan strategi antara pelajar yang berlainan jantina ini turut mempengaruhi dapatan kajian tersebut.

Kajian perbezaan penggunaan strategi antara pelajar lelaki dan perempuan dalam pembelajaran bahasa dijangkakan dapat memberi gambaran ketidaksamaan usaha pelajar dalam menangani sesuatu proses pembelajaran bahasa, khususnya apabila melibatkan pembelajaran kemahiran berbahasa. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a) Mengenal pasti tahap dan jenis penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa (SPKB) oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan secara keseluruhan dan berdasarkan kategori.
- b) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPKB berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama (SMA) di negeri Kedah secara keseluruhan dan berdasarkan kategori.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini melibatkan pelajar tingkatan empat dari 12 buah SMA di negeri Kedah, Malaysia. Bilangan populasi kajian pula adalah seramai 729 orang pelajar. Dengan merujuk kepada 'Jadual Penentuan Saiz Sampel' oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 254 orang pelajar. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan ketepatan menggeneralisasikan data kepada populasi sebenar, maka 350 orang pelajar (175 pelajar lelaki dan 175 pelajar perempuan) dipilih sebagai sampel kajian.

Instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan data kajian pula ialah soal selidik strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab (SPKBA). Soal selidik SPKBA ini merupakan hasil adaptasi dan ubah suai daripada *Young Learners' Language Strategy Use Survey (YLLSUS)* oleh Cohen dan Oxford (2002) dan *Language Strategy Use Inventory (LSUI)* oleh Cohen, Oxford dan Chi (2005). Klasifikasi kategori utama penggunaan strategi dikelaskan kepada enam konstruk sebagaimana YLLSUS (Cohen & Oxford, 2002) dan LSUI (Cohen et al., 2005) iaitu strategi mendengar (SD), strategi kosa kata (SKK), strategi bertutur (STut), strategi membaca (SB), strategi menulis (STul) dan strategi terjemahan (STer). Indeks kebolehpercayaan soal selidik SPKBA ini ialah 0.956 dan diterima pakai oleh para sarjana (Fraenkel & Wallen, 1990; Konting, 1998; Muijs, 2004).

4.0 DAPATAN KAJIAN

Tahap penggunaan SPKB dalam kajian ini merujuk kepada interpretasi skor min skala likert lima mata oleh Oxford (1990) berdasarkan tiga tahap iaitu tinggi (antara 3.5 hingga 5.0), sederhana (antara 2.5 hingga 3.4) dan rendah (antara 1.0 hingga 2.4). Dapatan analisis deskriptif menunjukkan tahap penggunaan SPKB secara keseluruhan oleh pelajar lelaki (M= 3.00, SP= 0.52) dan pelajar perempuan (M= 3.23, SP= 0.49) adalah sederhana. Penggunaan strategi berdasarkan enam konstruk strategi utama oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan juga menunjukkan tahap penggunaan yang sederhana, kecuali pada konstruk penggunaan SB yang digunakan oleh pelajar perempuan pada tahap tinggi.

Laporan penggunaan enam konstruk strategi utama oleh pelajar lelaki mengikut tertib tertinggi kepada terendah ialah SB (M= 3.23, SP= 0.58), SD (M= 3.07, SP= 0.57), STut (M= 2.96, SP= 0.64), STer (M= 2.91, SP= 0.58), STul (M= 2.88, SP= 0.60) dan SKK (M= 2.86, SP= 0.68). Susunan penggunaan enam konstruk strategi utama oleh pelajar perempuan mengikut susunan tertinggi kepada terendah pula ialah SB (M= 3.57, SP= 0.55), STer (M= 3.23, SP= 0.63), SD (M= 3.18, SP= 0.56), STul (M= 3.13, SP= 0.59), STut (M= 3.12, SP= 0.61) dan SKK (M= 3.05, SP= 0.62). Tahap penggunaan SPKB secara keseluruhan dan berdasarkan konstruk dapat dirujuk dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tahap penggunaan SPKB berdasarkan jantina

Penggunaan Strategi	Lelaki				Perempuan			
	Min	SP	Susunan	Tahap	Min	SP	Susunan	Tahap
SD	3.07	0.57	2	Sederhana	3.18	0.56	3	Sederhana
SKK	2.86	0.68	6	Sederhana	3.05	0.62	6	Sederhana
Stut	2.96	0.64	3	Sederhana	3.12	0.61	5	Sederhana
SB	3.23	0.58	1	Sederhana	3.57	0.55	1	Tinggi
Stul	2.88	0.60	5	Sederhana	3.13	0.59	4	Sederhana
Ster	2.91	0.58	4	Sederhana	3.23	0.63	2	Sederhana
Keseluruhan SPKB	3.00	0.52		Sederhana	3.23	0.49		Sederhana

Berdasarkan dapatan deskriptif ini juga, dapat dirumuskan bahawa pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SB dan SD, serta paling kurang menggunakan STul dan SKK dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelajar perempuan pula menunjukkan kecenderungan menggunakan SB dan Ster dengan lebih banyak, manakala STut dan SKK paling kurang digunakan. Selain itu, maklumat nilai min tertinggi pada konstruk SB oleh kumpulan pelajar lelaki dan perempuan mengisyaratkan bahawa kedua-duanya cenderung menggunakan strategi ini dengan lebih kerap, manakala nilai min terendah pada konstruk SKK pula menandakan kumpulan strategi ini paling kurang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar.

Keputusan analisis ujian-t sampel-sampel bebas pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan keseluruhan strategi antara kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan pelajar perempuan ($t = -4.206$, $p < 0.05$) (rujuk Jadual 2). Pelajar perempuan didapati menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar lelaki. Dapatan yang sama iaitu terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan strategi berdasarkan lima konstruk strategi (SKK, STut, SB, Stul dan STer) turut diperolehi kecuali pada SD. Tiada perbezaan signifikan dilaporkan pada penggunaan SD berdasarkan jantina. Maklumat lanjut dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Perbezaan penggunaan SPKB secara keseluruhan serta mengikut konstruk oleh pelajar lelaki dan perempuan

Penggunaan Strategi	T	Sig.
SD	-1.893	0.059
SKK	-2.799	0.005
Stut	-2.418	0.016
SB	-5.546	0.000

Stul	-3.819	0.000
Ster	-4.995	0.000
Keseluruhan SPKB	-4.206	0.000

5.0 PERBINCANGAN

Tahap penggunaan SPKB secara keseluruhan oleh kedua-dua kumpulan pelajar lelaki dan perempuan berada pada tahap sederhana (pelajar lelaki: $M= 3.00$, $SP= 0.52$; pelajar perempuan: $M= 3.23$, $SP= 0.49$). Kajian Kaur dan Embi (2011) terhadap pelajar sekolah rendah pula mendapati pelajar lelaki menggunakan strategi secara keseluruhan pada tahap sederhana, manakala pelajar perempuan menggunakan strategi pada tahap tinggi. Perbezaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran bahasa berbanding pelajar lelaki. Faktor kematangan pelajar perempuan semasa di sekolah rendah lagi mungkin turut mempengaruhi dapatan tersebut.

Seterusnya, SB merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Kaur dan Embi (2011) yang menunjukkan pelajar dalam kajian mereka paling kerap menggunakan SB untuk pembelajaran bahasa Inggeris (pelajar lelaki: $M= 3.51$, $SP= 0.44$; pelajar perempuan: $M= 3.75$, $SP= 0.41$). Maklumat ini dapat memberikan suatu gambaran penting bahawa proses pembelajaran bahasa sangat mementingkan pembacaan untuk menambah input bahasa. Apabila pelajar sering tertumpu kepada aktiviti membaca, mereka akan menggunakan SB dengan lebih banyak berbanding penggunaan strategi yang lain.

Penggunaan SB yang digunakan paling kerap oleh pelajar dalam kajian ini juga boleh dikaitkan dengan sistem pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Sistem pembelajaran yang lebih berorientasikan peperiksaan ini mementingkan kemahiran membaca untuk menguasai bahan pembelajaran dan kemahiran menulis untuk menjawab soalan secara bertulis. Penggunaan bahan bercetak khususnya buku teks yang lebih banyak digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk memperoleh input bahasa juga turut mempengaruhi penggunaan SB ini.

Strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula ialah SKK. Penggunaan strategi ini yang paling kurang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar mungkin disebabkan kurangnya pendedahan cara mempelajari kosa kata di peringkat sekolah menengah. Pembelajaran kosa kata juga mungkin lebih banyak ditekankan semasa pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah berbanding di sekolah menengah. Penekanan kepada pengajaran kosa kata yang semakin berkurangan di peringkat menengah mungkin disebabkan oleh tumpuan pengajaran guru lebih menjurus kepada kemahiran berbahasa yang lain serta sukatan pelajaran yang semakin sukar. Oleh itu, pengabaian terhadap aspek kosa kata ini mungkin berlaku tanpa disedari oleh sesetengah pihak sama ada guru mahupun pelajar.

Seterusnya, keputusan analisis ujian-t melaporkan terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan strategi pelajar berdasarkan jantina secara keseluruhan. Pelajar perempuan didapati lebih banyak menggunakan strategi berbanding pelajar lelaki. Beberapa kajian lain yang selari dengan dapatan kajian ini adalah seperti Mohd Shamsuddin (2003), Mahamod dan

Embi (2006), Izawati (2008), Mat Teh (2009), Mat Teh et al. (2009), Kaur dan Embi (2011) serta Mat Nafi (2014). Perbezaan penggunaan strategi yang signifikan berdasarkan jantina ini turut diperoleh berdasarkan konstruk SKK, STut, SB, STul dan STer. Pelajar perempuan menggunakan lebih banyak strategi secara keseluruhan dan berdasarkan lima konstruk strategi utama mungkin kerana terdapat perbezaan sikap dalam pembelajaran bahasa. Jafari dan Shokrpour (2012) menyatakan bahawa pelajar perempuan lebih optimis daripada pelajar lelaki dengan mementingkan pendekatan tertentu dalam proses pembelajaran. Keinginan yang kuat untuk maju dalam pembelajaran mungkin menyebabkan pelajar perempuan akan bekerja keras memastikan bahan pembelajaran yang dipelajari dapat dikuasai dengan baik.

Selain itu, faktor kebimbangan juga turut dapat mempengaruhi penggunaan SPKB yang lebih banyak dalam kalangan pelajar perempuan. Pelajar perempuan dikatakan memiliki kebimbangan yang lebih tinggi dalam pembelajaran berbanding pelajar lelaki (Dembo, 1981). Kebimbangan yang tinggi ini mungkin menyebabkan pelajar perempuan gemar berkongsi masalah dengan guru mahupun rakan untuk mengetahui alternatif terbaik untuk mempelajari sesuatu bahan pembelajaran bahasa Arab. Perkongsian maklumat yang pelbagai dari sumber yang berbeza dapat memberi input penggunaan strategi secara tidak langsung kepada pelajar untuk menangani sesuatu masalah dalam pembelajaran mereka.

Perbezaan tidak signifikan pada penggunaan SD berdasarkan jantina pula mungkin disebabkan pelajar lelaki dan perempuan secara keseluruhannya menunjukkan kecenderungan menggunakan jenis strategi yang sama dalam pembelajaran kemahiran mendengar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Alhaysony (2017), perbezaan tidak signifikan antara penggunaan strategi pelajar lelaki dan perempuan turut dipengaruhi oleh jenis strategi yang sama digunakan dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, faktor kurang pendedahan guru kepada penggunaan alat bantu audio visual yang pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab turut boleh diandaikan menyokong dapatan ini. Pelbagai halangan yang berlaku seperti kekurangan infrastruktur di sekolah, kekangan masa menghabiskan sukatan pelajaran yang ditetapkan serta kesukaran memperoleh bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan sukatan pelajaran turut menyebabkan penggunaan alat bantu ini dipinggirkan. Oleh itu, kebanyakan pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan sukar untuk mempelbagaikan penggunaan SD kerana masing-masing lebih terdedah kepada input bahasa melalui pengajaran guru sahaja berbanding penggunaan alat bantu yang lain.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pelajar perempuan didapati menggunakan lebih banyak SPKB berbanding pelajar lelaki. Perbezaan personaliti dan minat pelajar terhadap sesuatu kemahiran berbahasa dapat mempengaruhi usaha mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Dengan mengetahui perbezaan penggunaan SPKB berdasarkan jantina antara pelajar lelaki dan perempuan, para pendidik dapat mempelbagaikan pendekatan pengajaran mengikut keperluan gender pelajar. Selain itu, maklumat perbezaan penggunaan strategi ini dapat memberi inspirasi kepada pendidik untuk merancang aktiviti pembelajaran yang dapat memberi peluang kepada kumpulan pelajar tertentu mempelajari sesuatu SPKB dengan lebih kerap. Pendedahan tentang penggunaan SPKB juga boleh ditingkatkan oleh pendidik dengan mencadangkan penggunaan SPKB yang kurang atau tidak pernah diketahui oleh kumpulan pelajar tertentu yang berlainan jantina untuk dipraktikkan dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian lanjut berhubung jenis SPKB yang cenderung digunakan oleh kumpulan pelajar yang berlainan jantina juga boleh dijalankan pada masa akan datang supaya perbezaan penggunaan strategi antara kedua-dua

kumpulan pelajar dapat dibandingkan dengan lebih terperinci. Sebagai tambahan, kajian seumpama ini juga boleh dilakukan di pelbagai peringkat pengajian yang lain. Perbezaan umur, latar tempat dan tahap pendidikan pelajar mungkin memberikan dapatan yang berbeza selain dapat meluaskan kesinambungan bidang ilmu yang dikaji.

RUJUKAN

- Abbasian, R., Khajavi, Y., & Mardani, A. (2012). Language learning strategies of Iranian EFL learners: Are gender and educational level important. *Academic Research International*, 3(2), 350-356.
- Afrizal, J. (2005). *Language learning strategies of EFL university students at an Indonesian private university*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alhaysony, M. (2017). Language learning strategies use by Saudi EFL students: The effect of duration of English language study and gender. *Theory and Practice in Language Studies*, 7(1), 18-28.
- Che Haron, S., Sheikh Ahmad, I., Mamat, A., & Ahmed Mohamed, I.H. (2012). Strategies to develop speaking skills among Malay learners of Arabic. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(17), 303-310.
- Cohen, A.D. & Oxford, R.L. (2002). Young learners' language strategy use survey. Diperoleh daripada http://www.carla.umn.edu/about/profiles/CohenPapers/Young_Lg_Strat_Srvy.html
- Cohen, A.D., Oxford, R.L., & Chi, J.C. (2005). Language strategy use inventory. Diperoleh daripada http://www.carla.umn.edu/about/profiles/cohenpapers/lg_strat_srvy.html.
- Dembo, M.H. (1981). *Teaching for learning: Applying educational psychology in the classroom*. Glenview, IL: Scott, Foresman and Company.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (1990). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Hussin, N.Z. (2011). *Pelaksanaan pembelajaran pemahaman mendengar dalam kurikulum bahasa Perancis di sekolah menengah di Malaysia*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Izawati @ Siti Zawiyah Isa. (2008). *English language learning strategies used by polytechnic students*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jafari, S.M. & Shokrpour, N. (2012). The beliefs of Iranian ESP students about language learning. *Journal of Educational and Social Research*, 2(3), 157-163.
- Kaur, M. & Embi, M.A. (2011). The relationship between language learning strategies and gender among primary school students. *Theory and Practice in Language Studies*, 1(10), 1432-1436.
- Kayaoglu, M.N. (2013). Poor and good learners' language beliefs and their influence on their language learning strategy use. *Novitas-ROYAL*, 7(1), 36-54.

- Konting, M.M. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. (Ed. ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(1), 607-610.
- Kuen, Y.L. (2010). *English learning strategies used by form six students in secondary schools*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahamod, Z. & Embi, M.A. (2005a). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Jurnal Teknologi*, 42(E), 1-18.
- Mahamod, Z. & Embi, M.A. (2005b). Strategi pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina di luar kelas. *Jurnal Pendidikan*, 30(1), 51-73.
- Mahamod, Z. & Embi, M.A. (2006). Strategi pembelajaran bahasa Melayu pelajar pelbagai etnik bukan Melayu. *Jurnal Pendidikan*, 26(1), 115-132.
- Mat Nafi, L. (2014). *Hubungan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Kelantan*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mat Teh, K.S. (2009). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Teh, K.S., Embi, M.A., Nik Yusoff, N.M.R., & Mahamod, Z. (2009). A closer look at gender and Arabic language learning strategies use. *European Journal of Social Sciences*, 9(3), 399-407.
- Mohd Shamsuddin, C. (2003). *Effects of gender differences and language proficiency on language learning strategies of UKM engineering students*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohmad Rouyan, N. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muijs, D. (2004). *Doing quantitative research in education with SPSS*. London: SAGE Publications, Ltd.
- Oxford, R.L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle.
- Park, G. (2010). Investigation into learning strategies used by effective and less effective EFL learners in Korea. *Asian Social Science*, 6(8), 3-13.